

AADK syor wujud Akta Bahan Khayal

BERITA HARIAN AHAD
06/01/2014 M15 03

→ Agensi gesa atasi masalah kanak-kanak hidu gam, petrol

Oleh Ilah Hafiz
Aziz dan Rashiqah
Iلمي Abd Rahim
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Satu undang-undang khusus dikenali Akta Bahan Khayal dicadag diwujudkan tahun ini bagi menangani masalah ketagihan gam dan bahan khayal lain, terutama membabitkan kanak-kanak di negara ini.

Cadangan akta baharu itu akan dikemukakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Undang-Undang Membanteras Dadah yang akan dipengerusikan Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, pada Khamis depan.

Selain gam, akta baharu itu

jika dikuatkuasakan kelak dijangka turut meliputi kawalan dan penguatkuasaan terhadap kegiatan penagihan bahan lain seperti petrol, bahan aerosol, cat sembur, cecair pemetik api.

Ketua Pengarah AADK, Datuk Seri Zulkifli Abdullah, berkata penubuhan akta baharu itu semakin perlu memandangkan tiada peruntukan undang-undang khusus ketika ini memberi kuasa kepada pihaknya bertindak terhadap mereka yang mengalamikan ketagihan gam.

Beri kuasa AADK tahan suspek

Syor lain ialah memberi kuasa kepada AADK melakukan penahanan bagi ujian saringan, manakala suspek yang disahkan mengalami ketagihan akan dihantar ke pusat pemulihan.

Kita juga akan syorkan supaya undang-undang itu memberi kuasa kepada individu itu sendiri atau pihak lain seperti ibu bapa mereka melakukan serah diri secara sukarela”

Zulkifli Abdullah,
Ketua Pengarah AADK

“Kita juga akan syorkan supaya undang-undang berkenaan memberi kuasa kepada individu itu sendiri atau pihak lain seperti ibu bapa mereka melakukan serah diri secara sukarela.

“Seterusnya AADK akan diberi tanggungjawab oleh ibu bapa suspek untuk memulihkan penagih dengan mengadakan pelbagai program termasuk kaunseling,” katanya kepada BH.

Pada awal minggu ini, TV3 melalui *Buletin Utama* dalam segmen Aduan Rakyat mendedahkan sarang menghidu gam di sekitar Chow Kit, Kuala Lumpur.

Dalam rancangan itu, kanak-kanak berusia semuda 8 tahun dikesan dalam keadaan khayal dan berperangai tidak senonoh di kawasan yang menjadi laluan orang ramai itu, termasuk pelancong.

Zulkifli berkata, Akta Bahan Khayal yang disyorkan itu berbeza dengan undang-undang sedia ada seperti Akta

Dadah Berbahaya (ADB) 1952 kerana ia lebih bersifat akta untuk ‘menyelamat’ bukannya menangkap penagih.

Eksplotasi kanak-kanak

“Kebimbangan kita apabila perbuatan menghidu gam ini berisiko menjadi permulaan kepada kanak-kanak untuk terjebak dengan aktiviti berkaitan dadah, termasuk menjadi pengedar,” katanya.

Mengulas kebimbangan kegiatan ketagihan gam, Zulkifli berkata, kebarangkalian kanak-kanak yang menghidu gam terabit dengan dadah sangat tinggi dan mereka boleh dieksploitasi sindiket dadah untuk menjalankan aktiviti mengedar.

Sehubungan itu, beliau berkata, semua pihak perlu memainkan peranan dalam membanteras aktiviti menghidu gam kerana kesannya kepada kesihatan amat buruk.

“Menghidu gam dan bahan khayal lain boleh membawa maut, otak mengecut dan masalah mental,” katanya.

KOMPLIKASI TABIAT MENGHIDU GAM



- Mati secara tiba-tiba
- Keracunan/ketoksikan otot jantung
- Sukar bernafas dan lemas
- Kemalangan akibat khayal dan waras
- Keletihan
- Pelupa
- Hilang berat badan
- Gangguan emosi
- Kurang pembentukan sel darah dalam tulang sum-sum
- Mengundang penggunaan dadah lebih serius



Belakang Chow Kit jadi 'port'

Kuala Lumpur: Lorong belakang berhampiran sebuah hotel di Jalan Belia di Chow Kit, di sini, menjadi 'port' utama remaja yang majoritinya di bawah umur untuk melepaskan giat ketagihan gam.

Kebanyakan mereka berusia antara 13 hingga 16 tahun, dikatakan tidak segan silu menyedut beg plastik berisi gam untuk melayan ketagihan, dengan waktu 'operasi' dikatakan antara tengah malam hingga dinihari.

BH yang menerima maklumat mengenai kegiatan itu turun padang meninjau keadaan Jalan Belia, namun kawasan berkenaan lengang ketika itu susulan pendedahan dibuat media sebelum itu.

Kenderaan peronda polis bagaimanapun dilihat melakukan rondaan di sekitar kawasan berkenaan.

Ketika merapati kawasan 'port' berkenaan, wakil BH menemui beberapa tinggalan tin gam serta bekas bahan terbakar, sekali gus menjadi bukti kegiatan menghidu gam sememangnya aktif di sekitar Jalan Belia itu.

BH mendekati masyarakat termasuk penduduk setempat untuk mendapatkan maklumat dan mereka mengesahkan kegiatan remaja menghidu gam di kawasan terbabit memang serius.

"Kawasan ini memang 'port' budak hidu gam. Hari ini (ketika tinjauan dilakukan) sedikit lengang sebab berita mengenai mereka baru keluar televisyen.

"Keadaan sama berlaku kalau polis masuk atau buat tangkapan kerana mereka akan hilang sekejap sebelum kembali semula beberapa ha-

ri kemudian untuk teruskan aktiviti hidu gam," kata seorang kakitangan swasta berusia lingkungan 30-an yang hanya ingin dikenali Irham.

Irham mengakui dia pernah terserempak dengan empat remaja bawah umur dalam keadaan khayal, dipercayai baru melepaskan giat menghidu gam.

Kawasan gelap, sunyi

"Mereka melakukan perbuatan ini secara terbuka dan saya percaya mereka pilih kawasan itu kerana ia gelap, sunyi dan terlindung. Mereka seolah-olah tidak serik walaupun ditegur beberapa kali supaya menghentikan perbuatan itu," katanya.

Difahamkan, remaja terbabit bukan sahaja menghidu gam, malah turut mencetus gangguan apabila sering

membuat bising selepas masing-masing khayal.

Aktiviti harian mereka turut dibimbangi ramai lebih-lebih lagi selepas dikaitkan dengan pelbagai gejala sosial lain termasuk pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan.

Seorang pengawal keselamatan di sebuah syarikat swasta di kawasan itu yang dikenali sebagai Ravindran, berkata remaja menghidu gam di kawasan itu berlarutan sejak tahun lalu.

"Orang ramai tidak berani menegur kerana bimbang kumpulan itu berdendam dan melakukan sesuatu yang buruk.

"Mereka bertindak di luar kawalan jika diganggu dan kami harap polis dapat ambil tindakan segera bagi menangani masalah ini," katanya.

BAHAN KHAYAL LAIN MENGUNDANG KETAGIHAN ▼

- Petrol
- Pelembut cat
- Gas dapur
- Cat semburan atau aerosol
- Ubat nyamuk
- Krim pencuci
- Penyembur rambut
- Cecair pemetik api
- Najis lembu

